

'Pengaman Malaysia tidak ancam Israel'

KUALA LUMPUR: Pembabitian tentera pengaman Malaysia di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (EBB) di Lubnan tiada kena-mengena dengan Israel kerana kawasan operasi mereka hanya di wilayah Lubnan.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar menegaskan, Malaysia komited menghantar tentera pengaman ke Lubnan meskipun Israel membantah dengan alasan Malaysia tiada hubungan diplomatik dengan Tel Aviv.

Syed Hamid menjelaskan, pembabitian tentera Malaysia bukan bertujuan mengancam keselamatan Israel, sebaliknya menyanjung prinsip membantu mewujudkan keamanan dunia melalui PBB dan sama sekali tidak akan mencerooboh Israel.

Setakat ini, katanya, PBB belum memberikan sebarang maklumat kepada Malaysia berhubung bantahan Israel itu dan segala persiapan bagi menghantar tentera pengaman dari Malaysia, berjalan lancar.

"Tentera kita dan negara pengaman yang lain beroperasi di wilayah

Lubnan, bukannya Israel. Mengapa Israel menggunakan alasan itu untuk membantah kehadiran tentera kita?

"Setakat ini, saya belum menerima maklumat lanjut daripada PBB. Dalam pertemuan saya dengan Presiden Lubnan, Jen Amile Lahoud, beliau mengalu-alukan pembabitian tentera pengaman Malaysia," katanya ketika dihubungi di Damsyik, Syria semalam.

Kelmarin, Syed Hamid mengadakan pertemuan dengan Lahoud sebagai mengetuai delegasi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC). Antara agenda perbincangan adalah melaksanakan rancangan tujuh perkara yang dipersetujui ketika persidangan khas OIC dipengerusikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Putrajaya pada 3 Ogos lalu.

Sementara itu, Ketua Pemuda Umno, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata PBB terbukti berada di bawah telunjuk Israel jika tentera Malaysia tidak dipilih menyertai pasukan pengaman di Lubnan.

Katanya, PBB dan Israel perlu menghormati fungsi Malaysia seba-



AGENDA PENTING: Syed Hamid berbincang dengan Lahoud ketika kunjungan hormat di Istana Presiden, kelmarin,

gai Pengerusi OIC yang menaungi 57 negara anggota Islam selain usahanya sebagai antara yang palingantang mendesak gencatan senjata tanpa syarat diadakan di Lubnan.

Hishammuddin yang juga Menteri Pelajaran berkata, Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan dan kakitangannya boleh dianggap sebagai tidak ber-

maya dan tidak berguna jika menurut kehendak Israel.

"Israel cuba mencatiri PBB seolah-olah PBB hak milik mereka. Jika pasukan pengaman PBB membabitkan tentera Amerika Syarikat dan Britain, mereka bukanlah pengaman tetapi penghancur.

"Pemuda membuat desakan yang

munasabah untuk memastikan tentera kita dimasukkan dalam pasukan pengaman PBB kerana seluruh rakyat Malaysia memberi sokongan kepada kita," katanya selepas menerima memorandum Menuntut Keamanan yang ditandatangani lebih 300,000 pelajar dari 18 universiti awam di pejabatnya di Putrajaya, semalam.